

USAH TERPENGARUH E-MEL

Oleh Rudy Fazrunisyam Samarudin

rudy@hmetro.com.my

KUALA LUMPUR: Penuntut dan orang ramai dinasihat jangan terpengaruh dengan khabar angin yang disebarluaskan melalui e-mel kononnya beberapa siswi Universiti Putra Malaysia (UPM) murtad angkara gerakan bawah tanah yang wujud di universiti itu.

E-mel seumpama itu disebar secara rambang sejak beberapa bulan lalu yang antara lain memberi amaran kepada pelajar Islam universiti itu wujud satu gerakan pihak tertentu yang bertujuan menyesatkan mereka.

Ketua Bahagian Hal Ehwal Mahasiswa UPM, Hashim Md Shaari, berkata penyebaran khabar angin menggunakan internet itu lebih bersifat perbuatan pihak tertentu yang sengaja mahu menimbulkan kekecohan.

Menurutnya, pihak pentadbiran sudah lama mengesahkan penyebaran e-mel berkenaan iaitu sejak empat tahun lalu dan siasatan yang diajukan mendapati apa yang didakwa di dalam e-mel berkenaan ada-

Kononnya 5 siswi UPM murtad angkara gerakan bawah tanah

lah tidak benar.

"Sejak empat tahun lalu, e-mel seperti ini sudah disebarluaskan dan ia akan muncul setiap tahun lebih-lebih lagi ketika hampir pilihan raya kampus, nampaknya kali ini ia muncul kembali," katanya.

Hashim berkata demikian ketika diminta mengulas penyebaran e-mel mengatakan terdapat lima kes pelajar Matrikulasi UPM murtad dan apa yang malang, semuanya adalah pelajar wanita.

E-mel itu antara lain menyebut terdapat satu kejadian di mana terdapat sebuah kereta Kancil berwarna merah merona di kawasan kediaman siswi beberapa kali sekitar tengah malam dipercayai ahli gerakan ba-

wah tanah yang mahu memurtadkan pelajar Islam.

Malah, isi kandungan e-mel itu juga menyebut, pernah berlaku kejadian di mana ahli gerakan itu me-

nyelinap masuk ke dalam bilik asrama dan mencampurkan 'air suci' ke dalam sebarang bekas air minuman pelajar.

E-mel berkenaan turut mendakwa terdapat sebuah gereja di dalam kawasan kampus dan dikatakan gereja berkenaan bakal diperbesarkan apabila mendapat peruntukan sebanyak RM3 juta daripada pihak tertentu.

Berhubung kewujudan gereja itu,

Hashim mengakui, ia memang wujud sejak zaman kolonial lagi sebelum UPM ditubuhkan apabila British membina sekolah pertanian pada 1934.

"Jangan menerima bulat-bulat apa yang disebarluaskan sebaliknya fikir secara rasional, lihat sekeliling dan selidik sesuatu berita yang didengar dengan teliti supaya tidak terpengaruh dengan niat pihak berkenaan," katanya.